

**LAMAN WEB AL-DURAR AL-SANIYYAH : APLIKASI  
DAN KEBERKESANAN DALAM PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN KAJIAN HADIS DALAM KALANGAN  
PENSYARAH DAN PELAJAR FAKULTI PENGAJIAN  
QURAN DAN SUNAH, USIM**

**Syed Najihuddin Syed Hassan\***

**Zulhilmi Mohamed Nor\*\***

**Ahmad Sanusi Azmi\*\*\***

**Dr. Noor Najihan Jaafar\*\*\*\***

**Dr. Mohd Zohdi Mohd Amin\*\*\*\*\***

***Abstract***

The method of learning and teaching hadith is evolving in line with the growth of modern information technology. Among the new methods of teaching and analyzing the hadith is by employing the web-based data analyzer. This study aims to identify the effectiveness of dorar.net in analyzing, classifying and grading a hadith. It seeks to explore the historical background of the website, evaluate the use of the page and its effectiveness as educational mechanism in pedagogy, review the efficiency of its user-friendliness and examine the advantages and shortcomings of the website. The study is a mixed method of qualitative and quantitative. Qualitative data is collected through interviews while quantitative information analysed through distributed questionnaire. Based on the collected data, the study proved that dorar.

---

\*Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran Sunnah, USIM.

\*\*Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran Sunnah, USIM.

\*\*\*Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran Sunnah, USIM.

\*\*\*\*Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran Sunnah, USIM

\*\*\*\*\*Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran Sunnah, USIM.

net has an effective role in helping students to classify a hadith in which at the same time increased the efficacy of learning progress. Furthermore, its feature as user-friendly device contributes to become an easy access website in learning the hadith. The study confirms that by using dorar.net, besides its easy-access, students consume less time and money to learn and analyse a hadith. The study also ascertains the disadvantages of using dorar.net; it is indeed, a difficult task to decide a morphological root word of an Arabic word before launching search on particular hadith. In certain cases, the page did not provide complete information about the details of publication on a specific hadith. In conclusion, the website is a helping hand for the researchers and students, an instrument that is recommended as an effective technique of learning hadith, and mechanism for grading and classifying the hadith for the public.

## 1. PENDAHULUAN

Sejak zaman berzaman, cabang-cabang Pengajian Islam diajar dengan bersumberkan al-Quran dan hadis, dua sumber yang autentik (sangat dipercayai). Tidak lengkap pengajian itu, jika tidak dipandu oleh pengajaran dari dua sumber ini. Justeru, proses pembelajaran Pengajian Islam perlulah meliputi teknik-teknik tertentu bagi mendapatkan maklumat serta bagaimana memahami dua sumber ini. Bahasa asalnya dalam bahasa Arab memerlukan penguasaan secara optimum agar setiap patah perkataan tidak disalahertikan. Bagi yang berpendidikan sekolah agama dan pernah belajar di negara-negara Arab, tentulah tidak menghadapi rintangan sebegini berbanding yang lain.

Pengajaran dan pembelajaran telah melalui proses transformasi dari kaedah menadah kitab di hadapan guru, kepada penggunaan teknologi moden. Pembelajaran yang berpusatkan kepada guru semakin bertukar kepada berpusatkan pelajar. Penggunaan komputer dan internet secara meluas juga telah merubah pendekatan pembelajaran dengan harapan agar pelajar lebih proaktif dan produktif dalam pengajaran.

Pengajian Islam turut mengalami tempias perubahan ini. Pelajar memerlukan interaksi pelbagai hala bersama pengajar agar garapan ilmu menjadi lebih mantap dan berkesan. Islam sendiri tidak menghalang sebarang perubahan atau penggunaan teknologi dalam penyampaian ilmu. Nabi Muhammad s.a.w sendiri mengaplikasikan teknologi pada zaman Baginda seperti penggunaan gambar rajah bagi menyampaikan pengajaran Baginda dengan lebih berkesan.

Dari Abdullah ibn Mas‘ud r.a. berkata: Rasulullah s.a.w membuat untuk kami satu garisan kemudian bersabda “Ini sabil (jalan) Allah S.W.T.” Kemudian Baginda s.a.w. membuat beberapa garisan di kiri dan di kanan garisan tadi seraya bersabda “Ini jalan-jalan, dan lebih bercabang-cabang, pada setiap jalan ada syaitan yang menyeru ke arahnya” kemudian Baginda s.a.w. membaca ayat berikut (dalam menafsirkan ayat tersebut) iaitu ayat ke-153, surah al-An‘am.

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad (6/89)

Oleh yang demikian, penggunaan teknologi dalam pengajaran yang berpusatkan kepada pelajar tidak bercanggah dengan pengajian bidang keagamaan. Pelajar juga boleh mendapatkan hasil yang optimum semasa belajar. Masa dan kos yang merupakan antara faktor-faktorkekangan masa kini dapat dijimatkan. Justeru, tiada alasan untuk tidak belajar atau tidak habis belajar.

Perkembangan ICT didapati dapat menyelesaikan permasalahan yang dihadapi dalam mengkaji hadis dengan kemunculan perisian hadis yang berperanan menyimpan ribuan buku dan koleksi hadis dalam bentuk softcopy atau capaian digital. Proses pencarian hadis berdasarkan carian perkataan (word searching) memudahkan dan mempercepatkan proses pencarian hadis. Terkini terdapat beberapa laman web yang menawarkan kemudahan pencarian dan akses hadis sama seperti yang disediakan oleh aplikasi hadis di dalam bentuk cakera padat. Di antara web-web yang dapat diakses daripadanya hadis Rasulullah s.a.w. ialah Islam Web (<http://www.islamweb.net>), Al-Shefaa (<http://www.ashefaa.com>), al-Durar al-Saniyyah (<http://www.dorar.net/hadith>), Hadith.net (<http://hadith.al-islam.com>), dan sebagainya.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Proses mentakhrij hadis atau merujuk hadis kepada sumber asalnya yang secara tradisional menggunakan kaedah terdahulu, merupakan suatu proses yang agak kompleks. Proses ini memerlukan pelajar mengenali selok-belok kitab hadis serta mahir di dalam proses pencarian hadis dalam rujukan-rujukan primer kitab hadis. Ini berikutan metod penyusunan kitab yang berbeza-beza dalam kalangan penulis kitab itu yang menjadikan setiap kitab adalah unik antara satu sama lain. Di samping itu, kesukaran untuk membuat rujukan hadis juga menjadi halangan yang sukar diatasi, berikutan koleksi hadis yang sangat terhad dalam perpustakaan universiti atau peribadi.

Penggunaan laman web hadis seperti al-Durar al-Saniyyah dijangka dapat mengatasi masalah yang dihadapi. Ia memudahkan pensyarah membuat rujukan hadis dengan kadar bahan rujukan yang hampir tidak terbatas. Selain itu, pensyarah juga boleh membuat rujukan hadis sekalipun berada di luar kampus, iaitu di mana sahaja yang membolehkan mereka mengakses internet. Namun begitu penggunaannya dalam kalangan pensyarah masih begitu minimum dan kurang mendapat sambutan yang meluas. Keadaan ini berkemungkinan beberapa faktor penghalang seperti masalah bahasa, kurang pengetahuan, kurang kemudahan, kurang kemahiran pengendalian serta keadaan web tersebut yang kurang mesra pengguna.

Bidang hadis telah melalui proses pendigitalan selari dengan bidang-bidang lain dalam Pengajian Islam. Era pendigitalan telah hampir menenggelamkan buku-buku bercetak, terutamanya yang baru ditulis. Pemilikan buku bercetak juga telah turut digantikan dengan pemilikan buku digital. Dalam hal ini, alam siber juga telah begitu luas tanpa sempadan, tiada had dan tiada kekangan. Namun, adakah era pendigitalan buku-buku hadis ini diterima oleh golongan pensyarah yang terdidik dengan buku-buku bercetak.

Justeru, kajian ini cuba meneliti pendapat mereka berhubung isu-isu takhrij hadis dengan menggunakan laman web, di samping meninjau kebaikan dan keburukan dalam penggunaan elemen digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Adakah penggunaan laman

web hadis seperti al-Durar al-Saniyyah memberikan impak yang besar dalam mengakses hadis untuk dijadikan rujukan berbanding yang lain. Pengkaji hadis dan pelajar memerlukan pangkalan data yang mudah, cepat dan lengkap supaya pembelajaran menjadi lebih berkualiti. Penemuan dan pembuktian keberkesanannya laman web al-Durar al-Saniyyah boleh memberi kesan kepada kelestarian pengajian hadis. Sehubungan dengan itu, keperluan semasa memerlukan penghayatan dan penggunaan elemen pembelajaran aktif yang berpusatkan pelajar di era siber.

### **3. TINJAUAN LITERATUR**

Proses takhrij hadis secara konvensional mempunyai beberapa limitasi yang menyebabkan hadis tidak dapat dirujuk melainkan oleh pakar bidang. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi masa kini telah menjadi pemangkin kepada pendigitalan sumber rujukan hadis. Koleksi kitab yang melalui proses pendigitalan juga semakin meningkat. Ini menjadikan sumber rujukan boleh dicapai secara atas talian dan masa akses juga menjadi tiada batasan.

Dalam hal ini, aplikasi laman web didapati memudahkan penggunanya merujuk hadis kepada sumber asalnya. Web al-durar al-saniyyah telah dipilih untuk menjadi bahan kajian setelah melihat keupayaannya untuk digunakan dalam proses takhrij hadis.

Setelah beberapa tinjauan literatur dilaksanakan, didapati tajuk yang ingin dikaji masih belum diterokai oleh mana-mana penyelidik. Abullaith (2004) dan Tahhan (1996) mengupas teknik-teknik takhrij dan Abullaith (2004) menambah teknik terkini iaitu menggunakan CD tanpa menyentuh penggunaan laman web.

Adnan dan Zulhilmi (2007) memberi ulasan umum kepada web ini tanpa menilai keberkesanannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jamal (2006) pula memilih 5 web termasuk web ini yang memberi perincian web serta penggunaannya tetapi keberkesanannya terhadap pengguna tidak dikaji. Mohd al-'Ikhsan (2006) pula memberi senario ilmu takhrij hadis di Malaysia tanpa memberi penekanan terhadap penggunaan web. Hal ini turut memberi kesedaran ke arah merintis kajian keberkesanannya laman web ini sebagai alternatif baru.

Nor Shahriza & Norselatun Rodhiah (2005) pula membuat kajian kes terhadap penggunaan sekumpulan pelajar pasca siswazah dan fakulti pengajian Islam di salah sebuah universiti bagi mengkaji persepsi mereka terhadap kualiti maklumat berkaitan hadis di internet. Namun, kajian itu tidak memfokuskan kepada laman web al-Durar al-Saniyyah sebagai kajian kes.

Mohd Sobhi et.al (2011) pula mencadangkan IIICS (Internet's Islamic Information Credibility Scale) digunakan dalam mengukur kredibiliti maklumat yang diperoleh dari internet menurut perspektif Islam. Kajian ini berfokus kepada persepsi pengguna internet terhadap kredibiliti maklumat berkaitan Islam dan tidak memfokuskan kepada laman web al-Durar al-Saniyyah.

Hasil penyelidikan ini dijangka dapat membantu meningkatkan kesedaran terhadap kesahihan sesebuah hadis; dapat dimanfaatkan dalam melengkapkan pembinaan Makmal Pengajian Hadis di FPQS; memberi kemahiran tambahan kepada pelajar sejajar dengan perkembangan ICT; dan menjadi kajian rintis kepada kajian seumpamanya dalam pengajian berkaitan aplikasi dalam bidang hadis serta dapat dikembangkan ke arah penghasilan laman web dan perisian yang lebih mantap penggunaannya.

#### **4. LAMAN WEB AL-DURAR AL-SANIYYAH**

Takhrij al-Hadith menggunakan web yang tertentu sebenarnya boleh dimasukkan di dalam kaedah Takhrij al-Hadith dengan melihat dan berpandukan kepada lafaz-lafaz hadis (matan). Ini kerana ia memerlukan kepada seseorang itu mengetahui sekurang-kurangnya satu perkataan di dalam hadis. Kaedah ini hanya memerlukan kepada seseorang itu mempunyai sambungan internet dan perisian yang serasi bahasa Arab di dalam komputernya.

##### **4.1 Pengenalan Terhadap Laman Web al-Durar al-Saniyyah** **الدرر السنّية**

Laman web ini boleh diakses melalui alamat URL berikut: <http://www.dorar.net/>. Penyelia kepada laman web ini ialah: al-Sheikh

‘Alwi bin ‘Abd al-Qadir al-Saqqaf. Isi kandungan ataupun enjin pencarian web ini sebenarnya merangkumi pelbagai jenis maklumat yang merangkumi :

1. Kitab-kitab hasil karya penyelia al-Sheikh ‘Alwi sendiri.
2. Senarai kitab-kitab dan kajian-kajian di dalam pelbagai disiplin ilmu-ilmu Islam yang merangkumi Quran, hadis, fikah, tauhid, mantiq dan sebagainya. Setiap daripada kitab-kitab ini akan disenaraikan nama penulis, cetakan, tempat dan tahun cetakan serta bidang yang menjadi perbahasan kitab.
3. Senarai kitab-kitab yang dinasihatkan untuk dibaca mengikut bidang-bidang tertentu.
4. Teknik atau cara menggunakan ruang pencarian.
5. Teknik atau cara mengutuskan email atau persoalan.

Terdapat juga senarai ensiklopedia mengikut bidang-bidang ilmu yang tertentu. Antaranya :

1. Ensiklopedia Tafsir.
2. Ensiklopedia Aqidah.
3. Ensiklopedia Agama dan Pemikiran.
4. Ensiklopedia Hadis.
5. Ensiklopedia Fiqh.
6. Ensiklopedia Sejarah.
7. Ensiklopedia daripada isi kandungan jurnal-jurnal dan majalah-majalah.

## Halaman utama al-Durar al-Saniyyah.



Sumber: (<http://www.dorar.net>)

Untuk memudahkan dapatan maklumat daripada semua ensiklopedia ini, proses yang perlu dilakukan hanyalah perlu ditaip patah perkataan yang ingin dicari dan setelah ditekan butang carian akan muncullah perbincangan atau perkataan tersebut mengikut sumber-sumber bidang ilmu dan tempat yang menyatakannya.

Terdapat juga suatu ruang yang dinamakan al-Mausu'ah al-Hadithiyyah atau Ensiklopedia Hadis, yang sebelum ini diberi nama Taysir al-Wusul ila Ahadith al-Rasul. Di dalam ruangan inilah para pengkaji dan pengunjung web ini boleh mentakhrijkan sesuatu hadis dan mengetahui hukumnya berdasarkan sumber yang menyatakannya.

### 4.2 Ruangan Ensiklopedia Hadis

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, carian hadis boleh didapati daripada tetingkap ensiklopedia hadis yang disediakan di laman web ini. Para pengunjung hanya perlu menekan pada pautan ini untuk memaparkan ruangan untuk mentakhrijkan hadis. Satu pilihan lain bagi pengguna laman web ini ialah terus kepada alamat

URL berikut: <http://www.dorar.net/hadith>. Di dalam ruangan ini akan terpapar bahagian untuk petikan hadis yang dikehendaki, nama ahli hadis, kitab, cara pemilihan perkataan yang dibuat.

#### **4.3 Cara Menggunakan Ensiklopedia Hadis**

Di antara cara penggunaan yang akan menjimatkan masa dan mendapat natijah yang diharapkan, pengguna hendaklah :

1. Membuat carian secara terus dengan menaip potongan hadis yang diingini, atau memilih beberapa ciri tambahan untuk mengecilkan skop carian.
2. Meletakkan ibarat atau perkataan di ruangan **العبارة** tidak terlalu banyak (iaitu dengan tidak melebihi tiga patah perkataan)
3. Tidak menggunakan tanda bacaan.
4. Boleh memilih perawi atau ahli hadis yang tertentu dengan menulis namanya di ruangan **الراوي** atau memilih namanya di ruangan **المحدث**.
5. Boleh mencari hadis atau maklumat tertentu di dalam kitab tertentu dengan memilih nama kitab di ruangan **الكتاب**.
6. Boleh mencari di dalam semua perawi atau kitab dengan memilih perkataan **الجميع**.
7. Boleh memilih di antara: sebahagian perkataan yang dikehendaki, semua perkataan, semua pecahan perkataan, atau perkataan dan ayat yang sama dan serupa.
8. Di sana juga terdapat 5 pilihan hadis atau kata-kata ulama sama ada: hadis-hadis yang sahih, hadis-

hadis yang isnadnya sahih, hadis-hadis yang daif, hadis-hadis yang isnadnya daif atau pengguna boleh memilih untuk mencari semuanya dengan perkataan **الجمع**.

## Ensiklopedia Hadis dalam al-Durar al-Saniyyah

Sumber: (<http://www.dorar.net/hadith>)

## 5. METODOLOGI KAJIAN

### 5.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini telah dibina berdasarkan kecenderungan kepada penggunaan elemen teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru satu set soal selidik telah dibangunkan dengan mengadaptasi kajian yang telah dilakukan oleh Davis (1989) yang telah membina Technology Acceptance Model (TAM). Namun, penyelidik hanya menterjemahkan soal selidik Davis (1989) serta membina kajian yang hampir sama. Data yang terkumpul telah dianalisis secara deskriptif.

Pemilihan sampel bagi tujuan pengumpulan data kajian ini adalah membabitkan dua kumpulan utama yang terlibat secara

langsung dalam penggunaan laman web hadis. Kesemua sampel ini dipilih kerana mempunyai kaitan rapat berhubung kajian persepsi pengguna laman web al-Durar al-Saniyyah yang seterusnya dapat menjadi responden tepat bagi mendapatkan data kajian. Sampel-sampel ini adalah seperti berikut :

- i. Para pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) yang telah mengikuti kursus Takhrij al-Hadis,
- ii. Tenaga Pengajar di FPQS yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah dan tutor-tutor.

## 5.2 Kaedah Pensampelan

Seperti yang telah dibincangkan bahawa data diperoleh dari dua kumpulan utama iaitu para pelajar dan tenaga pengajar di FPQS yang merupakan kelompok responden yang terlibat secara langsung dalam pencarian hadis secara tradisional dan moden. Pencarian hadis di kalangan mereka juga adalah tinggi memandangkan setiap ilmu yang diterima dan disampaikan perlu dirujuk ketepatan sumbernya.

Rasional pemilihan kedua-dua kumpulan ini adalah kerana mereka merupakan pengguna yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman di dalam ilmu takhrij serta selok-belok kitab hadis.

- i. Pelajar-pelajar tersebut adalah pengguna langsung (end user) yang sepatutnya atau sememangnya menggunakan kemudahan yang disediakan oleh laman web hadis tersebut. Oleh itu mereka merupakan sumber utama yang dapat membantu mengumpul bahan dan data autentik berhubung persepsi penggunaan laman web hadis yang merupakan objektif utama kajian ini.
- ii. Para pensyarah pula merupakan kumpulan yang terlibat langsung dengan pelajar khususnya

dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga ialah kumpulan yang sepatutnya mengaplikasikan laman web tersebut dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, serta merujuk untuk mendapatkan maklumat. Justeru pandangan mereka berhubung aspek pengajaran dan pembelajaran amat patut diterima kerana mereka yang menjadi perantara penting.

Pemilihan kedua-kedua kumpulan ini sebagai sampel berkait rapat dengan bentuk instrumen yang digunakan dalam mengumpul dan mendapatkan data. Terdapat dua bentuk instrumen yang digunakan bagi proses pengumpulan data bagi kajian ini, iaitu:

i. Borang soal selidik,

Instrumen pertama yang digunakan ini ialah borang soal selidik diedarkan kepada para pelajar yang dikenal pasti telah mengikuti kursus takhrij hadis sebelum ini. Mereka merupakan pelajar Tahun Empat Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.

Terdapat 3 program pengajaran di FPQS: 1) Pengajian Quran dan Sunnah, 2) Pengajian Quran dengan Multimedia, dan 3) Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat. Namun, didapati Pengajian Quran dengan Multimedia tidak mengambil kursus takhrij.

ii. Temu bual separa berstruktur.

Instrumen kedua yang digunakan ini ialah temu bual separa berstruktur melibatkan tenaga akademik di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. Terdapat seramai 28 orang pensyarah dan tutor pada masa kajian. Justeru, mereka ditemu bual untuk mendapatkan pandangan berkaitan kajian.

### **5.3 Prosedur Pengumpulan Data**

#### **5.3.1 Kumpulan Pelajar**

Kaedah pengumpulan data daripada kumpulan pelajar ialah dengan mengedarkan borang soal selidik kepada mereka. Waktu untuk kajian telah dipilih dengan kerjasama rakan pensyarah serta fakulti melibatkan beberapa masa luang setiap kumpulan tutorial berdasarkan jadual pelajar. Pelajar dikumpulkan dalam makmal komputer yang ada akses internet. Dalam sesi tersebut, para pelajar diminta membuat carian sumber hadis menggunakan laman web al-Durar al-Saniyyah, iaitu sebanyak 3 buah hadis bagi setiap orang pelajar dengan memberikan 3 potongan hadis bagi setiap pelajar.

Penerangan ringkas diberikan kepada para pelajar berhubung kaedah pencarian hadis menggunakan laman web tersebut sebelum mereka memulakan carian. Masa mencukupi telah diberikan kepada mereka untuk mencari hadis-hadis tersebut dengan menggunakan laman web itu. Pelajar diminta mencatat dapatan carian mereka kemudian menyerahkan hasil itu kepada penyelidik. Di penghujung sesi, borang soal selidik diedarkan kepada pelajar, kemudian dikembalikan semula kepada penyelidik setelah siap diisi.

Jumlah pelajar yang menjadi sasaran kajian itu adalah seramai 129 orang, iaitu 86 orang daripada program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian (SmQSKEP.(USIM)), dan 43 orang daripada program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian (SmSPMKEP.(USIM)). Namun begitu, dari jumlah pelajar tersebut, hanya 106 borang soal selidik sahaja yang dikembalikan dengan lengkap iaitu sebanyak 82.2 peratus.

#### **5.3.2 Kumpulan Pensyarah**

Kaedah pengumpulan data bagi kakitangan akademik fakulti pula ialah dengan mengendalikan temu bual separa berstruktur melalui pertemuan secara langsung dengan responden. Satu set soalan yang telah disepakati oleh para penyelidik telah digunakan sebagai panduan

kepada temu bual tersebut. Kakitangan akademik telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan berdasarkan bilangan barisan penyelidik. Kemudian, penyelidik yang ditugaskan itu mengaturkan masa yang bersesuaian dengan kelapangan pensyarah terbabit.

Temu bual dijalankan dan hasil dikumpulkan. Ada juga, yang diberikan soalan tersebut dan diminta agar mengembalikan semula kepada penyelidik dalam tempoh waktu tertentu. Semua ini bergantung kepada kekangan masa setiap pensyarah dan komitmen kerja masing-masing. Seramai 28 orang pensyarah dan tutor telah memberikan respons kepada kumpulan penyelidik. Bilangan ini lebih daripada mencukupi kerana temu bual tidak memerlukan ramai responden.

## 6. DAPATAN KAJIAN (RESPONDEN PELAJAR)

### 6.1 Latarbelakang Responden

Jadual 1 menunjukkan majoriti responden pelajar dari kalangan perempuan iaitu nisbah 7:3 perempuan terhadap lelaki. Ini juga merupakan lumrah yang telah dikenal pasti berlaku di universiti-universiti tempatan. Di samping itu, didapati program pengajian SmQS Kep. (Pengajian Quran dan Sunnah) mempunyai majoriti pelajar di FPQS berbanding program-program lain. Kemahiran menggunakan komputer pelajar juga pada tahap yang sederhana iaitu majoriti di antara 5 hingga 10 tahun. Dalam aspek penghayatan ilmu takhrij, pelajar berada pada tahap sederhana mahir iaitu kelompok terbesar. Kesemua pelajar merupakan pelajar FPQS yang mengikuti pengajian di Tahun Empat dalam tahun 2009.

**Jadual 1: Latarbelakang Responden (jumlah=106)**

Pemboleh ubah	Bil.	%
Jantina (n=106)		
Lelaki	23	21.7
Perempuan	83	78.3

Program Pengajian (n=106)		
SmQSKep.	81	76.4
SmSPMKep.	25	23.6
Pengalaman Komputer (n=106)		
< 5 tahun	22	20.8
5-10 tahun	57	53.8
> 10 tahun	26	24.5
Kemahiran Takhrij (n=106)		
Mahir	15	14.2
Sederhana	76	71.7
Kurang mahir	14	13.2
Sangat kurang mahir	1	0.9

**Sumber:** Syed Najihuddin et. al (2009)

## 6.2 Kajian Tahap Keberkesanan

Soal selidik yang diedarkan kepada pelajar pada bahagian ini yang berskala likert 7 memberikan pelajar pilihan jawapan mengikut persepsi masing-masing. Berikut merupakan rumusan dapatan kajian secara keseluruhan secara purata (mean).

**Jadual 2: Rumusan persepsi penerimaan pelajar terhadap Laman Web al-Durar al-Saniyah (jumlah=106, likert=7)**

Bil.	Pernyataan	Purata
1.	Dengan menggunakan laman web ini, saya dapat menyelesaikan tugas dengan lebih cepat.	5.77
2.	Dengan menggunakan laman web ini, saya dapat memperbaiki mutu tugas saya.	5.83
3.	Dengan menggunakan laman web ini, saya dapat meningkatkan produktiviti saya.	5.75

4.	Dengan menggunakan laman web ini, saya dapat mempertingkatkan keberkesanannya terhadap tugas.	5.80
5.	Dengan menggunakan laman web ini, saya mendapatkan tugas yang lebih mudah.	6.18
6.	Saya mendapatkan laman web ini sangat berguna dalam tugas saya.	6.32
7.	Belajar menggunakan laman web ini adalah mudah bagi saya.	5.89
8.	Saya mendapatkan hasil yang diingini.	5.91
9.	Interaksi saya dengan laman web, adalah jelas dan mudah difahami.	5.72
10.	Saya mendapatkan laman web ini fleksibel semasa interaksi.	5.70
11.	Adalah mudah bagi saya untuk memahirkan diri menggunakan laman web ini.	5.89
12.	Saya mendapatkan laman web ini mudah digunakan.	5.99

**Sumber:** Syed Najihuddin et. al (2009)

Berdasarkan Jadual 2 di atas, didapati purata setiap soalan adalah melebihi tahap penerimaan iaitu 5.00 ke atas. Ini memberikan keputusan bahawa laman web ini secara keseluruhannya diterima oleh kelompok responden pelajar sebagai berguna dan mudah digunakan.

Kelompok responden secara majoritinya bersetuju bahawa dengan menggunakan laman web ini, mereka dapat menyelesaikan tugas dengan lebih cepat. Mereka juga bersetuju bahawa dengan menggunakan laman web ini, mereka dapat memperbaiki mutu tugas. Di samping itu, majoriti mereka beranggapan bahawa dengan menggunakan laman web ini, produktiviti kerja mereka semakin meningkat.

Kajian ini juga telah membuktikan bahawa dengan menggunakan web ini, persepsi mereka terhadap keberkesanannya dalam melakukan tugas juga dapat ditingkatkan. Ramai responden juga bersetuju

bahawa penggunaan laman web ini dapat menjadikan kerja atau tugasan mereka lebih mudah untuk dilaksanakan. Majoriti responden juga dalam kelompok yang bersetuju bahawa web ini sangat berguna kepada mereka.

Seterusnya, ramai responden dalam kajian ini beranggapan bahawa laman web ini mudah dipelajari oleh mereka. Pembelajaran yang dilalui walaupun agak singkat masanya, akan tetapi sudah mencukupi untuk mereka merasakan perkara tersebut. Di samping itu, majoriti responden juga menganggap bahawa laman web ini memudahkan mereka mendapat hasil yang diingini. Ramai daripada kalangan mereka turut bersetuju bahawa interaksi dengan laman web ini adalah bersifat jelas dan mudah difahami.

Majoriti responden turut menyatakan bahawa laman web ini adalah fleksibel semasa digunakan. Mereka juga merasakan bahawa untuk memahirkan diri dalam menggunakan laman web ini adalah mudah. Secara kesimpulan, responden berpendapat bahawa laman web ini amat mudah digunakan.

### **6.3 Kajian Kelebihan Penggunaan Laman Web al-Durar al-Saniyyah**

Segelintir responden mendapati bahawa laman web ini mudah untuk difahami dan dipelajari. Ini berdasarkan maklum balas mereka terhadap laman web ini. Mereka didapati berjaya menguasai asas penggunaan, walaupun laman web ini baru diperkenalkan kepada mereka.

Responden menyatakan bahawa dengan menggunakan laman web ini proses untuk mentakhrij hadis lebih fleksibel. Mereka boleh menyelesaikan tugasan di mana sahaja, selagi mana boleh mendapat capaian internet di kawasan tersebut tanpa perlu pergi ke perpustakaan atau makmal hadis. Ini sekaligus dapat memaksimakan masa pelajar dalam menyelesaikan sesuatu tugasan berkaitan.

Responden turut menyatakan bahawa dengan menggunakan web ini, ia lebih menjimatkan masa, tanpa perlu meluangkan masa yang panjang untuk mencari dan mentakhrijkan sesuatu hadis dalam kitab hadis.

## 6.4 Kajian Kekurangan Penggunaan Laman Web al-Durar al-Saniyyah

Kebergantungan penggunaan web ini kepada capaian server dan network kadangkala mengganggu kelancaran penggunaan. Apabila prestasi server menurun, hal ini turut akan menjadikan capaian terhadap laman web ini dan membantu penggunaan khidmat web ini. Begitu juga sekiranya terdapat gangguan terhadap network, maka penggunaannya akan turut terjejas. Segelintir responden menyatakan bahawa rekabentuk user-interface atau paparan muka depan web ini kurang menarik. Mereka juga menyatakan bahawa cara penggunaan laman web ini kurang efisien kerana mereka terpaksa melayari halaman lain bertujuan mendapatkan maklumat terperinci tentang sesebuah kitab.

Maklumat hasil daripada takhrij pula tidak dipautkan secara terus kepada maklumat tentang kitab berkaitan. Ketepatan maklumat dalam web ini juga turut diragui sebilangan responden. Namun demikian, bagi mendapatkan hasil takhrij yang lebih meyakinkan, perlulah dirujuk kepada kitab hadis. Keterbatasan bahasa juga turut memberi kesan kepada penggunaan laman web ini dalam mentakrij hadis. Ini kerana laman web ini hanya boleh diakses dengan hanya menggunakan bahasa Arab. Bahasa-bahasa lain sehingga kertas kerja ini ditulis, masih belum disediakan.

## 7. DAPATAN KAJIAN (RESPONDEN PENSYARAH)

### 7.1 Latarbelakang Responden

**Jadual 3: Latarbelakang Responden (jumlah=28)**

Pemboleh ubah	Bil.	%
Jantina (n=28)		
Lelaki	24	85.7
Perempuan	4	14.3

Pengkhususan Pengajian (n=28)	8	28.6
Quran	11	39.3
Hadis	7	25.0
Quran dan Hadis		7.1
Lain-lain		
Kemahiran Takhrij (n=106)		
Mahir	15	14.2
Sederhana	76	71.7
Kurang mahir	14	13.2
Sangat kurang mahir	1	0.9

Jadual 3 menunjukkan latarbelakang responden pensyarah FPQS dengan majoriti daripada kalangan lelaki iaitu 85.7 peratus. Pengkhususan para pensyarah di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah iaitu 28.6 peratus adalah graduan dalam bidang Quran, 39.3 peratus adalah graduan dalam bidang Hadis, 25 peratus adalah bidang Quran dan Hadis dan selebihnya 7.1 peratus sahaja yang berlatarbelakangkan bidang-bidang yang lain.

## 7.2 Kepentingan Penggunaan Laman Web Dalam Kajian Hadis

Hasil kajian mendapati, sebilangan besar daripada pensyarah bersetuju bahawa kursus yang diajar oleh mereka memerlukan penggunaan ilmu takhrij dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini membuktikan bahawa pengajaran dan pembelajaran bidang keagamaan memerlukan penggabungjalinan semua kemahiran serta ilmu. Setiap pelajar yang menuntut ilmu khususnya bidang keagamaan wajar didedahkan dengan ilmu takhrij agar pencarian ilmu menjadi lebih saintifik dan bersumberkan rujukan yang berautoriti. Justeru, para pensyarah seharusnya bertindak merentas kurikulum bagi menggalakkan proses penghadaman ilmu khususnya bidang keagamaan.

Mereka juga kadang kala turut mengajar beberapa teknik takhrij kepada pelajar dalam pencarian hadis, walaupun kursus yang diajar tidak berkaitan dengan takhrij hadis. Beberapa tips mudah dalam pencarian bahan dan maklumat, mampu memantapkan keilmuan

pelajar dalam carian maklumat tersebut. Selain itu, kebergantungan maklumat Islam kepada sumber yang autentik telah menjadikan ilmu takhrij hadis ini sangat penting dan relevan. Justeru, tiada salahnya dilakukan berulang kali bagi memahirkan diri dalam menggunakannya. Mereka juga turut memberi galakan kepada para pelajar mereka supaya menggunakan perisian komputer dan laman web takhrij di internet untuk melakukan takhrij terhadap sesebuah hadis. Hal sebegini menggalakkan pembelajaran secara aktif pelajar agar senantiasa mempraktikkan ilmu takhrij walaupun di luar kelas. Kemudahan komputer dan internet memberikan jaminan kesinambungan pembelajaran di luar kelas pengajian. Dapatkan ini juga membuktikan bahawa para pensyarah bidang Quran dan hadis secara kolektifnya tidak menentang penggunaan perisian dan laman web malah memberikan galakan pula. Namun begitu, terdapat sedikit tentangan dari aspek keabsahan maklumat serta ketepatannya yang menuntut proses merujuk kepada sumber asalnya yang berbentuk buku bercetak.

Di samping itu, didapati kebanyakan pensyarah memberi penekanan kepada para pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berhubung ketepatan sesebuah hadis. Hal ini meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan perkara tersebut yang mana akan membawa kesedaran jangka panjang kepada mereka. Sebenarnya penekanan ini tidak semestinya secara langsung, seperti menyuruh atau mengarahkan. Malah, penekanan boleh disampaikan dalam bentuk memberikan ganjaran positif atau negatif, seperti memberikan markah atas carian yang tepat, dan sebaliknya mengurangkan markah bagi rujukan yang salah. Justeru, peranan pensyarah sebagai pendidik dan murabbi akan memanfaatkan pelajar dan memberikan panduan suri teladan kepada mereka setelah mencebur alam pekerjaan nanti.

Mereka juga turut memberikan tugasan kepada para pelajar yang menuntut mereka menganalisis status kesahihan sesebuah hadis terlebih dahulu. Tugas ini mematangkan pelajar dalam soal penerimaan atau tidak, bagi sesuatu hadis. Proses pembelajaran ini yang berpusatkan pelajar amat baik dalam membentuk sahsiah pelajar bidang agama.

### **7.3 Kelebihan Pendekatan Berbantukan Laman Web**

Mereka berpendapat bahawa antara kelebihan laman web al-Durar al-Saniyyah berbanding teknik lain ilmu takhrij ialah ia mudah diakses walau di mana sahaja asalkan ada khidmat internet di kawasan tersebut. Ini kerana, kewujudan laman web ini di alam siber, dan aksesan internet hampir di mana sahaja di dunia, telah menjadikan teknik ini amat berkesan dalam carian hadis.

Kalau perkara ini dibandingkan dengan kaedah lain ilmu takhrij tentulah lebih mudah dan cepat. Ini kerana kaedah-kaedah yang lain memerlukan kehadiran buku secara fizikal yang melibatkan carian yang berbeza mengikut metodologi penulis yang berbeza. Walaupun hanya menggunakan kaedah carian berdasarkan potongan perkataan dalam hadis, kaedah ini mampu memanfaatkan carian perkataan sebanyak mungkin. Setiap patah perkataan dalam hadis akan dirujuk, tidak hanya perkataan awal sahaja. Malah setiap perkataan yang dijumpai akan diberi warna merah bagi memudahkan carian.

Maklumat yang diperoleh adalah ringkas dan padat. Ini kerana maklumat tersebut dipersembahkan dalam bentuk yang komprehensif yang merangkumi matan (teks) hadis, perawi sahabat, sumber hadis berserta hukum hadis iaitu sahih, hasan atau da’if, diberi secara ringkas. Sebarang hukum hadis yang diberikan membantu pelajar juga pengkaji lain merumuskan hukum hadis secara awalan. Jika keperluan untuk menghuraikan semula berlaku, pengkajian kepada sumber asal boleh dibuat dengan mudah kerana rujukannya turut disertakan.

Laman web itu juga bersifat mesra pengguna, kata kebanyakan pensyarah. Penggunaan warna, sebagai contoh, kepada perkataan carian memudahkan pengguna mengenal pasti perkataan yang dicari olehnya. Di samping itu, susun atur setiap laman web juga turut membantu meningkatkan elemen mesra pengguna kepada web tersebut. Terdapat beberapa unsur lain yang selalu ditambah baik oleh pengendali laman web tersebut bagi meningkatkan kekuatan elemen mesra pengguna ini dari semasa ke semasa.

Menggunakan laman web dalam mentakhrijkan hadis juga mampu menjimatkan masa, kos dan tenaga. Masa yang diambil hanya beberapa saat bergantung keadaan rangkaian, kos carian juga percuma

dan tenaga yang digunakan juga adalah minimum. Keseluruhan kajian yang memerlukan masa yang lama secara tradisional, telah dapat dicepatkan secara berkali-kali ganda dengan kejuruteraan perisian. Buku juga jika dibeli atau dipinjam akan melibatkan kos yang amat besar, malah masih ada yang tidak dapat ditemui di sini.

#### **7.4 Kekurangan Pendekatan Berbantuan Laman Web**

Beberapa kelemahan telah dapat dikenal pasti dari perspektif pensyarah, antaranya: proses ini memerlukan kepada capaian internet, yang mana hal ini turut melibatkan server dan network. Apabila prestasi kedua-duanya menurun, pengaksesan kepada laman web ini turut terkena tempiasnya.

Segelintir pensyarah pula menyatakan keraguan mereka terhadap sumber maklumat yang dimuatkan dalam laman web ini. Ini kerana wujudnya kebarangkalian penyedia perkhidmatan laman web tersebut memasukkan entiti luaran tetap ada. Berkemungkinan juga, gangguan itu dari pesaing tidak sihat, yang merosak maklumat digital laman web ini. Justeru, keselamatan datanya perlu dipertingkat, dan dari pihak pengguna perlulah merujuk sumber asal.

Ada juga yang menyatakan bahawa proses carian digital ini mengakibatkan kurang penghayatan dalam carian hadis. Ini disebabkan keadaan carian yang tidak bermediumkan buku-buku yang boleh dipegang serta ditatap helaian demi helaian. Malah ada yang mempunyai kepuasan yang lebih tinggi dengan memegang buku bercetak dari membaca pada skrin komputer.

Selain itu, laman web ini tidak menyediakan maklumat cetakan pada rujukan sumber hadis seperti tempat, tarikh serta penerbit cetakan tersebut pada tetingkap yang sama. Ini kerana maklumat tersebut disenaraikan di halaman lain yang khusus. Hal sebegini agak mengganggu carian, kerana pengguna terpaksa meneliti maklumat cetakan satu persatu dalam satu senarai yang panjang.

## 7.5 Kebergunaan Laman Web Dalam Kajian Hadis

Pensyarah juga berpendapat bahawa Laman Web al-Durar al-Saniyyah berguna dalam ilmu takhrij serta kajian hadis kerana masa carian yang diambil secara relatifnya adalah cepat, di samping memberi peluang untuk meneroka dengan lebih mendalam lagi. Di samping itu, laman web ini menjelaskan hukum sesebuah hadis, menyenaraikan banyak riwayat dan matan serta memberikan pilihan sumber rujukan yang banyak kepada pengkaji hadis. Oleh yang demikian, mereka bersetuju agar laman web ini digunakan sebagai alat bantuan mengajar, dan seterusnya menjadi kunci kepada ilmu takhrij. Ini kerana laman web ini mampu memberikan pemahaman dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang mana hal sedemikian boleh memudah carakan penyampaian pensyarah dalam kelas pengajiannya.

## 8. RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh penyelidik melalui soal selidik, dapat dikenal pasti beberapa dapatan dan rumusan kajian, sebagaimana berikut:

1. Kelompok pensyarah bersetuju bahawa dengan menggunakan laman web ini, mereka dapat menyelesaikan tugasan dengan lebih cepat; memperbaiki mutu tugasan; produktiviti kerja mereka semakin meningkat; keberkesanan terhadap tugasan juga dapat tingkatkan; kerja atau tugasan mereka lebih mudah untuk dilaksanakan; dan web ini sangat berguna.
2. Pensyarah juga berpandangan bahawa laman web ini mudah dipelajari oleh mereka. Pembelajaran yang dilalui walaupun agak singkat, akan tetapi sudah mencukupi untuk mereka merasakan perkara tersebut; memudahkan mereka mendapat hasil yang diingini; interaksi dengan laman web ini adalah bersifat jelas dan mudah difahami; dan laman web ini amat mudah digunakan.
3. Sebilangan besar daripada kelompok pensyarah bersetuju bahawa kursus yang diajar oleh mereka memerlukan penggunaan ilmu takhrij dalam pengajaran dan pembelajaran; mereka juga turut

mengajar teknik takhrij kepada pelajar-pelajar, walaupun kursus yang diajar tidak berkaitan dengan Takhrij Al- Hadith.

4. Hasil kajian mendapatkan bahawa kebanyakan pensyarah memberi galakan kepada para pelajar mereka supaya menggunakan aplikasi atau perisian komputer untuk melakukan takhrij terhadap sesebuah hadis; segelintir besar pensyarah memberi galakan kepada pelajar agar menggunakan aplikasi atau perisian takhrij di internet untuk melakukan takhrij terhadap sesebuah hadis; kebanyakan pensyarah memberi penekanan kepada para pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berhubung ketepatan sesebuah hadis. Hal ini meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan perkara tersebut yang mana akan membawa kesedaran jangka panjang kepada mereka; dan kebanyakan pensyarah didapati memberikan tugas kepada para pelajar yang menuntut mereka menganalisis status kesahihan sesebuah hadis terlebih dahulu.

## **9. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN TERHADAP AL-DURAR AL-SANIYYAH**

Di antara perkara yang masih ada ruang untuk dibuat penambahbaikan bagi Laman Web al-Durar al-Saniyyah adalah seperti berikut:

1. Hadis-hadis yang dinyatakan tidak disebut nama kitab (topik di dalam kitab) dan nama bab yang akan memudahkan lagi pencarian di kitab yang dicetak.
2. Sumber rujukan yang digunakan adalah daripada cetakan yang agak lama.
3. Kadangkala hadis yang dinyatakan adalah merupakan nas di tengah-tengah nas yang panjang atau penghujung kepada nas tersebut. Ini akan melambatkan proses untuk mendapatkan nas yang sebenar di dalam kitab yang dicetak.
4. Ruangan الطبعات المعتمدة tidak disertakan dengan bantuan carian yang membolehkan pengguna mendapatkan maklumat lengkap mengenai sesuatu rujukan secara pantas. Sebanyak 604 rujukan disenarai dan disusun mengikut huruf hija'iyyah pada tajuk buku yang agak menyukarkan pengguna, terutamanya bagi pengguna yang

tidak mengingati tajuk sebenar atau tajuk rujukan tersebut seperti yang digunakan oleh laman web ini.

5. Sesetengah sumber yang menjadi tempat makhraj sesuatu hadis tidak dimasukkan dalam skop carian. Misalnya sesetengah kitab tafsir yang banyak memuatkan hadis beserta sanad seperti Bahr al-'Ulum oleh al-Samarqandi, tafsir al-Baghawi dan sebagainya, begitu juga dengan sesetengah kitab takhrij seperti al-Mughni 'an Haml al-Asfar fi al-Asfar oleh al-'Iraqi, tidak terdapat dalam senarai rujukan.

6. Laman web ini walaupun memberikan sumbangan yang besar dalam bidang pengajian Islam terutama dalam bidang hadis, namun keterangan lebih lengkap mengenai latar belakang pengasas dan para penyelidik yang memberikan sumbangan dalam membangunkan web ini serta kepakaran mereka amat diperlukan bagi menambahkan keyakinan pengguna terhadap maklumat yang dipaparkan. Kredibiliti web juga akan menjadi lebih terserlah di samping membantu para pengguna atau penyelidik lain untuk menjalankan penyelidikan berkaitan.

## **10. CADANGAN KAJIAN**

Melalui kajian ringkas terhadap khidmat pentakhrijan hadis yang ditawarkan oleh laman web al-Durar al-Saniyyah ini, pengkaji ingin menyarankan beberapa perkara untuk perhatian dan maklumbalas para pembaca, terutama para pakar dalam kajian ilmu hadis:

1. Takhrij hadis menggunakan laman web atau internet adalah suatu cara yang mencepatkan proses mengetahui sumber hadis. Dalam era ICT ini, kaedah ini perlu dibangunkan secara komprehensif bagi membantu para pelajar, penyelidik, pendakwah, pegawai agama, perunding syarie dan masyarakat umum seluruhnya dalam menentukan status sesuatu hadis untuk keperluan masing-masing.

2. Para pakar atau ulama dalam bidang hadis perlu bergabung tenaga dengan pakar ICT bagi menjamin khidmat pentakhrijan hadis melalui internet ini mempunyai tahap kebolehpercayaan atau kredibiliti yang tinggi dan diyakini serta mesra pengguna dan memenuhi keperluan mereka.

3. Sehingga kini, para pengkaji yang menggunakan khidmat pentakhrijan hadis melalui internet masih perlu merujuk kembali sumber asal yang bercetak bagi memastikan kesahihan natijah yang diperoleh, juga untuk mengelakkan sebarang bentuk penyelewengan atau kesan kesilapan teknikal semasa proses pembangunan sesuatu laman web berjalan.
4. Pendedahan mengenai proses pentakhrijan hadis melalui internet perlu diberikan kepada pelajar-pelajar dalam bidang hadis khususnya dan bidang pengajian Islam umumnya, melalui matapelajaran yang berkenaan seperti Ilmu Takhrij al-Hadith misalnya, bagi membolehkan mereka mengintegrasikan ilmu Islam tradisional dengan teknologi moden.
5. Sebuah institusi berautoriti dan bertanggungjawab dalam memantau segala isu dan perkembangan yang berlaku dalam bidang hadis perlu diwujudkan di peringkat negara-negara Islam. Kewujudan institusi seperti ini penting bagi memudahkan masyarakat Islam mendapatkan pandangan yang tuntas mengenai perisian atau laman web atau apa sahaja bahan yang berkaitan Sunnah Rasulullah SAW. Fungsinya setara dengan Unit Kawalan Quran di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab memelihara kesucian Quran dalam apa bentuk terbitan atau bahan.

## 11. BIBLIOGRAFI

- al-‘Abid, Abu Bakr, ‘Abd al-Samad Bakr. (2002). al-Madkhāl ila Takhrij al-Aḥadīth wa al-Āثار wa al-Hukm ‘alaiha. al-Madinah al-Nabawiyah al-Munawwarah: t.p.
- Adnan Mohamed Yusoff dan Zulhilmi Mohamed Nor. (2007). Takhrij al-Hadith di era ICT : tinjauan terhadap web al-Durar al-Saniyyah. Prosiding Seminar Warisan Nabawi. Negeri Sembilan: USIM.
- Ahmad Badi, Jamal. (2006). al-Juhud al-‘Ilmiyyah li Khidmah al-Sunnah al-Nabawiyah ‘ala Mawaqi‘ Syabkah al-Ma‘lumat al-Dawliyyah (Internet): ‘Ard wa Tahlil wa Taqwim. Jurnal Ma‘alim al-Quran wa al-Sunnah. USIM. 2: 53-96.
- Davis, F.D. (1989). Perceived Usefulness, Perceived Ease Of Use And User Acceptance Of Information Technology. MIS Quarterly.

- 13;3;319-340.
- Ibn Hanbal, Ahmad ibn Muhammad. (1998). al-Musnad. Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dauliyyah.
- al-Khair Abadi, Muhammad Abullaith. (2004). Takhrij al-Hadith Nasy'atuhu wa Manhajiyatuhu. Selangor: Darul Syakir.
- Mohd al-'Ikhsan Ghazali. (2006). Kepentingan Ilmu Takhrij: Satu Tinjauan Dalam Konteks Malaysia. Dalam Kelangsungan Pengajian Hadis: Cabaran dan Masa Depan. Selangor: KUIS.
- Mohd Sobhi Ishak, Musa Abu Hassan, Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong & Zulkiple Abd Ghani. (2011). Internet's Islamic Information Credibility Scale (IIICS). Jurnal 'Ulum Islamiyyah. USIM. 6: 3-28
- Nor Shahriza Abdul Karim & Norzelatun Rodhiah Hazmi. (2005). Assessing Islamic Information Quality on the Internet: A Case of Information About Hadith. Malaysian Journal of Library & Information Science. 10: 51-66.
- Syed Najihuddin Syed Hassan, Zulhilmi Mohamed Nor, Ahmad Sanusi Azmi, Noor Najihan Jaafar, Mohd Zohdi Mohd Amin. 2009. Aplikasi Laman Web al-Durar al-Saniyyah Dalam Mengtakhrijkan Hadith: Kajian Kes di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Negeri Sembilan: USIM. Kod Penyelidikan: PPP/FQS-04-10908.
- Al-Saqqaf, 'Alawi. (2008). al-Mausu'ah al-Hadithiyyah. <http://www.dorar.net/hadith.php>.
- Al-Tahhan, Mahmud. (1996). Usul al-Takhrij Wa Dirasat al-Asanid. Riyadh: Maktabah Ma'arif Li al-Nasyr wa al-Tauzi'.